

Mahathir mungkin menulis

BANGKOK, Ahad - "Saya mungkin menulis kerana saya telah menempuhi banyak perkara. Saya fikir sebahagian pengalaman yang dilalui itu mungkin berguna untuk orang lain sebagai bahan rujukan," demikian hasrat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila ditanya pelan persaraannya mulai Oktober tahun depan.

Pada sidang akhbar di akhir lawatan rasminya ke Thailand di sini hari ini, Perdana Menteri berharap beliau dapat mengumpulkan pengalamannya dalam bidang politik, ekonomi dan sosial dalam bentuk tulisan.

"Saya juga harap saya mungkin boleh bercakap mengenai sebahagian idea saya di pelbagai forum. Saya fikir kita mempunyai banyak idea yang bernas di Malaysia yang perlu diterbitkan," katanya.